

# KESEDERHANAAN KE ARAH PERPADUAN KAUM DI MALAYSIA

Hamidi Ismail<sup>1</sup>, Kalthum Hassan<sup>2</sup>, Mohd Nizar Zakaria<sup>3</sup>

<sup>1,2</sup> Pusat Pengajian Kerajaan, Kolej Undang-Undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah.

<sup>1</sup>[hamidi@uum.edu.my](mailto:hamidi@uum.edu.my)

<sup>2</sup>[kalthum@uum.edu.my](mailto:kalthum@uum.edu.my)

<sup>3</sup> Pelajar Pascasiswazah, Pusat Pengajian Kerajaan, Kolej Undang-Undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah).

<sup>3</sup>[nizar\\_069@yahoo.com](mailto:nizar_069@yahoo.com)

## ABSTRACT

*There appear to be fewer discussions by previous authors on the government's efforts to unite people through relationship of moderation in national policies. This article aims to discuss the issue of the linkages between the basic framework of the importance of moderation and racial unity. This article explains the 1Malaysia concept that was able to become an important channel to form national unity should each race practice moderation. Only moderation will unite, dilute and lessen feelings of extreme nature that tend to form racial disunity. In fact, 1Malaysia concept was also found to conform to the principles of Islam which emphasizes on moderation and these principles are consistent with human nature. Thus, this article is of the opinion that the value of moderation can establish racial unity in Malaysia if they are embraced and implemented in all aspects of life. This writing also found that in order to achieve Vision 2020, 1Malaysia concept can be considered as a navigator and catalyst for racial unity in accordance with the teachings of Islam and the needs of the today's world which has been increasingly challenged by various forms of extremism.*

**Keywords:** *Extremism, Moderate Movement, Moderation, Racial Unity, Wasatiyyah.*

## ABSTRAK

Usaha kerajaan bagi menyatukan kaum melalui hubungkaitnya dengan nilai kesederhanaan dalam dasar-dasar nasional memperlihatkan masih kurang dibincangkan oleh penulis terdahulu. Artikel ini bertujuan untuk membincangkan isu kaitan antara kerangka dasar tentang pentingnya kesederhanaan dengan perpaduan kaum. Artikel ini menerangkan bahawa Gagasan 1Malaysia mampu menjadi saluran penting untuk membentuk perpaduan nasional sekiranya setiap kaum mengamalkan nilai kesederhanaan. Hanya nilai kesederhanaan mampu menyatukan, mencairkan dan mengurangkan perasaan bersifat melampau yang cenderung membentuk perpecahan kaum. Bahkan, Gagasan 1Malaysia juga didapati menepati prinsip Islam yang mementingkan nilai kesederhanaan dan prinsip tersebut selaras dengan fitrah kejadian manusia. Justeru, rencana ini berpendapat nilai kesederhanaan boleh membentuk perpaduan kaum di Malaysia sekiranya mereka menghayati dan melaksanakannya dalam segala urusan kehidupan. Penulisan ini juga mendapati bahawa bagi mencapai Wawasan 2020, Gagasan 1Malaysia boleh dianggap sebagai penunjuk arah dan pemangkin kepada perpaduan kaum yang selaras dengan tuntutan Islam dan kehendak dunia pada masa kini kerana kian dicabar dengan pelbagai bentuk aktiviti ekstrimisme.

**Kata kunci:** Ekstrimisme, Gerakan Kesederhanaan, Kesederhanaan, Perpaduan Kaum, Wasatiyyah.

## 1.0 PENGENALAN

Rencana tentang perpaduan kaum sehingga kini banyak menyentuh soal sejarah, punca dan kesan kepada negara. Walau bagaimanapun, penulisan tentang usaha kerajaan bagi menyatukan kaum melalui hubungkait dengan nilai kesederhanaan dalam dasar-dasar nasional memperlihatkan masih kurang dibincangkan. Oleh kerana itu, penulisan makalah ini bertujuan untuk membincangkan soal kaitan kerangka dasar tentang pentingnya kesederhanaan bagi membentuk perpaduan negara. Hal ini penting kerana proses bagi mencapai perpaduan kaum bukan suatu perkara baharu kerana Shamsul Amri Baharuddin (2012) berpendapat sejarah hubungan kaum di Malaysia berlaku trend pasang dan surut yang boleh dibahagikan kepada tiga tempoh masa iaitu selepas perang dunia kedua pada tahun 1945 iaitu Fasa Konflik (1945-1960), Fasa Kestabilan tetapi Tegang (1961-1970) dan Fasa Kesepaduan Sosial (1971 hingga kini). Ketiga-tiga fasa tersebut mencerminkan senario hubungan kaum di Malaysia dan menjelaskan bahawa perpaduan kaum dalam konteks kesepaduan sosial perlu dijaga agar pengalaman pahit dalam dekad-dekad lalu menjadi pengajaran untuk kebaikan bersama.

Shamsul Amri Baharuddin (2011; 2012) berpendapat Fasa Konflik bermula sebaik sahaja Perang Dunia Kedua tamat sehingga pada tahun 1960. Dalam tempoh tersebut, masalah ancaman komunis dan darurat pada tahun 1948 menjadikan keadaan konflik serta saling tidak mempercayai dalam kalangan kaum Melayu ke atas Cina. Keadaan ini berlarutan sehingga pada tahun 1960 dan berakhir apabila komunis menyerah diri sepenuhnya. Walau bagaimanapun, Fasa Konflik ini tidak berakhir begitu sahaja, sebaliknya ketegangan masih berlaku walaupun dalam keadaan lebih stabil dan dikenali sebagai Fasa Stabil tetapi Tegang antara tempoh tahun 1960-1970. Lim (2003) berpandangan pada masa tersebut keadaan sosio-ekonomi dan masyarakat dalam keadaan serba kekurangan. Bermula dari saat itulah muncul konflik antara kaum terutamanya Melayu dengan Cina disebabkan oleh perbezaan jurang ekonomi yang tidak seimbang dan perasaan saling tidak mempercayai antara kaum. Akhirnya, tercetus peristiwa pergeseran kaum yang tercatat dalam sejarah iaitu 13 Mei 1969. Menurut Shamsul Amri Baharuddin (2011) juga terdapat suatu peristiwa lain berkaitan dengan konflik kaum yang terjadi di Singapura iaitu rusuhan kaum antara Melayu dengan Cina di Singapura pada 21 Julai dan 3 September 1964 dengan mengorbankan seramai 40 orang serta ribuan orang ditangkap. Walau bagaimanapun, rusuhan kaum terbesar adalah di Kuala Lumpur 13 Mei 1969 dengan mengorbankan seramai 250 orang, malah berita yang tidak sah menyatakan jumlah terkorban melebihi angka tersebut.

Fasa ketiga dalam hubungan kaum di Malaysia adalah Kesepaduan Sosial pada tahun 1971 hingga kini yang menghasilkan kemakmuran kepada ekonomi negara dan sekaligus mewujudkan kesejahteraan kepada masyarakat secara amnya. Kamarulzaman Askandar (2006) berpendapat pertelingkahan kaum pada tempoh masa tersebut terlalu jarang didengari kerana keamanan dan keharmonian terpelihara. Umpamanya, Kamarulzaman Askandar (2006) dan Wong Chun Wai (2001) menyatakan masih berlaku peristiwa rusuhan kaum antara India dengan Melayu pada 4 hingga 8 Mac 2001 di Kampung Medan, Kampung Gandhi, Kampung Lindungan, Kampung Datuk Harun, Taman Desa Ria dan sekitar Jalan Klang Lama, Selangor. Pergaduhan turut merebak ke Petaling Jaya, Jalan Gasing, Kelana Jaya, Sungai Way, Bandar Sunway dan Puchong. Peristiwa Kampung Medan umpamanya berpunca daripada pergaduhan antara dua kumpulan berkaitan dengan persediaan majlis perkahwinan dan majlis pengkebumian. Majlis perkahwinan diadakan di sebuah rumah orang Melayu dan berjiran dengan kaum India yang mengadakan majlis pengkebumian. Pada waktu tersebut, seorang lelaki berbangsa India dikatakan membawa motosikal dalam keadaan

mabuk lalu terbabas merempuh tapak perkahwinan Melayu. Perkara itu mendatangkan kemarahan orang Melayu, akhirnya berlaku pergaduhan melibatkan kira-kira 200 orang. Peristiwa ini menurut Shamsul Amri Baharuddin (2012) telah mengorbankan 10 orang. Walaupun fasa ini kelihatan agak harmoni dan wujud perpaduan antara kaum-kaum utama di Malaysia, namun demikian semua pihak harus berhati-hati disebabkan keterbukaan dan keterdedahan kepada konflik kaum boleh berlaku bila-bila masa sahaja. Umpamanya, keterbukaan kepada perbezaan fahaman, individu, budaya, agama, cara hidup, penguasaan ekonomi tidak seimbang, kewilayahan dan sebagainya. Malah, Kamarulzaman Askandar (2006) berpendapat hubungan kaum juga boleh tercalar pada hari ini disebabkan penggunaan media massa mahupun elektronik secara terbuka yang kadang-kala terdapat unsur hasutan atau menyuarakan perasaan bersifat perkauman, keagamaan dan sebagainya tanpa tanggungjawab atau integriti.


Kepelbagaian peristiwa hitam-putih corak perpaduan kaum di Malaysia memperlihatkan keperluan kepada suatu bentuk dasar umum yang boleh menyatukan pelbagai kaum. Gagasan 1Malaysia (G1M) adalah satu dasar umum yang diwujudkan bagi merealisasikan hasrat perpaduan kaum melalui nilai kesederhanaan sebagai saluran memangkin pencapaian Wawasan 2020. G1M secara umumnya hanya menetapkan bahawa maksud secara operasional bagi kesederhanaan merujuk kepada pendekatan sederhana dalam apa jua isu berbangkit. Walau bagaimanapun, perbincangan soal pentingnya kesederhanaan dalam konteks perpaduan kaum turut dibincangkan bersama dengan kerangka dasar sedia ada berkaitan perpaduan serta pandangan falsafah Islam dan Gerakan Kesederhanaan Global (GMM) tentang kesederhanaan.

## **2.0 GAGASAN 1MALAYSIA DAN PRINSIP KESEDERHANAAN**

Pelbagai peristiwa yang sedang melanda negara pada masa lalu dan kini memerlukan Malaysia menyusun strategi pentadbiran dan sosial agar tidak terpisah daripada arus perdana kemajuan dunia mahupun menjadi mangsa penindasan, kezaliman, perpecahan kaum dan sebagainya. Sebagai langkah untuk mempertahankan diri menghadapi keadaan ketidakpastian sosial, seluruh rakyat Malaysia tidak mengira kaum dan anutan agama perlu berusaha menjadi satu bangsa bersatu padu iaitu 1Bangsa dan 1Malaysia yang berfikir dan bertindak ke arah mencapai matlamat bersama untuk membina sebuah negara bersatu, lebih maju, selamat, aman, makmur serta mampu bersaing dengan masyarakat lain di dunia pada suatu masa nanti. Usaha untuk melahirkan satu Bangsa Malaysia yang bersatu padu dalam menghadapi pelbagai cabaran global dibawa oleh arus globalisasi ini, termasuk dalam bidang sosial, ekonomi dan politik, maka Perdana Menteri Malaysia iaitu Dato' Sri Mohd Najib Bin Tun Hj. Abdul Razak memperkenalkan G1M pada April 2009. Gagasan ini berpaksikan kepada prinsip perpaduan nasional melalui nilai-nilai murni (satu daripadanya adalah nilai atau prinsip kesederhanaan) dalam Teras Perpaduan serta nilai-nilai aspirasi dalam Nilai Aspirasi. Untuk menjayakannya, maka G1M meletakkan rakyat segalanya dalam urustadbir kerajaan di bawah slogan "Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan".

Dalam negara bermasyarakat majmuk seperti Malaysia, tindakan atau tutur kata bersifat ekstrim tidak boleh diterima kerana boleh membawa kepada masalah ketidakstabilan sosial. Kesederhanaan yang dituntut adalah sesuatu yang dilakukan atau difikirkan tidak membawa kepada kerosakan, menimbulkan fitnah, kemusnahan, kesakitan, ancaman, pergolakan dan sebagainya kepada diri, pihak lain mahupun negara (Malaysia, 2009). Justeru, G1M membawa harapan untuk memperkukuh hubungan kaum bagi memastikan rakyat Malaysia dapat menjalin perpaduan lebih erat melalui prinsip kesederhanaan sebagaimana dinyatakan

dalam empat nilai murni yang mendokong teras-teras perpaduan. G1M mencadangkan dua aspek utama yang perlu ada iaitu pertama Penerapan Teras Perpaduan sebagai budaya dan amalan semua rakyat Malaysia. Teras perpaduan ini adalah komponen asas yang menguatkan semangat bersatu padu dalam kalangan rakyat berbilang kaum. Teras Perpaduan ini didokongi oleh nilai-nilai murni yang seharusnya mendasari cara hidup rakyat Malaysia. Aspek kedua adalah berkaitan dengan Penerapan Nilai Aspirasi dalam G1M dan nilai-nilai ini perlu ada pada masyarakat progresif atau dinamik yang akan memacu negara ke arah mencapai status negara maju (Rajah 1).



Sumber: Diolah daripada Malaysia (2009)

**Rajah 1** Pendekatan G1M dan letaknya nilai kesederhanaan

Dengan kata lain, G1M merupakan konsep menyatukan kaum di Malaysia agar perpaduan nasional dapat dibentuk supaya berjaya mencapai taraf negara maju pada tahun 2020 dengan lebih mudah. Setiap anggota masyarakat perlu berfikir bukan hanya untuk kaum masing-masing, sebaliknya pemikiran mereka ke arah kesejahteraan dan kemajuan bersama. Oleh itu, Asrizal Mohamed Radzi (2013), Mazlan Ibrahim et al. (2013) dan Mohd Shukri Hanapi (2014) berpendapat perasaan hormat antara satu sama lain perlu dipupuk agar nilai-nilai murni dalam gagasan ini dapat membentuk perpaduan kaum pada masa kini dan akan datang.

Menurut Ismail Ibrahim (2010) dan MAMPU (2009), gagasan ini menyarankan agar pemimpin-pemimpin kerajaan menjalankan tugas dengan lebih cekap, amanah dan bertanggung jawab demi kepentingan rakyat sepertimana slogan “Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”. Kerajaan akan mengambil tindakan berdasarkan kehendak semua kumpulan etnik atau kaum dalam negara. Ini bukan bererti untuk menolong kaum bumiputera

semata-mata, tetapi turut menjaga kepentingan semua kaum di Malaysia secara adil dan saksama. Berdasarkan Malaysia (2012), gagasan ini memerlukan setiap warganegara dan pemimpin memainkan peranan masing-masing agar hasrat kerajaan mencapai status negara maju dapat digapai dengan mudah. Sumber daripada Malaysia (2014) berpendapat kepentingan gagasan ini adalah sebagai pelengkap kepada Wawasan 2020 yang terserlah melalui tiga prinsip utama iaitu penerimaan, kenegaraan dan keadilan sosial.

Setiap warganegara dan pemimpin perlu melaksanakan tiga prinsip tersebut yang menjadi tulang belakang kepada perpaduan kaum di Malaysia. Prinsip penerimaan dalam G1M menekankan kepada sikap penerimaan dalam kalangan rakyat berbilang kaum, di mana sesuatu kaum menerima keunikan kaum yang lain seadanya agar dapat hidup bersama sebagai rakyat Malaysia, dengan kata lain mempunyai sikap toleransi antara kaum. Prinsip kenegaraan pula berasaskan kepada Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara serta usaha menanam semangat nasionalisme, patriotisme dan cinta akan negara sepanjang masa. Seterusnya, prinsip keadilan sosial di mana semua rakyat Malaysia akan terbela dan tiada mana-mana pihak akan dipinggirkan. Keadilan ini mestilah mengambil kira taraf kemajuan kaum yang berada pada tahap berbeza. Oleh itu, dasar-dasar kerajaan dan peruntukan-peruntukan Perlembagaan yang memberikan pembelaan kepada golongan memerlukan akan tetap dilaksanakan (Malaysia, 2009).

G1M hakikatnya membawa maksud yang begitu mendalam kepada semua pihak sama ada kerajaan mahupun rakyat Malaysia kerana ia memberikan dua implikasi besar kepada fungsi kerajaan dan agensinya serta rakyat Malaysia secara keseluruhannya. Pertama, G1M memerlukan setiap rakyat Malaysia dan pemimpin berperanan mengikut tanggungjawab masing-masing. Malah, rakyat Malaysia daripada pelbagai kaum dan agama perlu berfikir melepasi sempadan kaum masing-masing serta perlu melahirkan tindakan yang melepasi tembok kepentingan etnik dan kaum. Kedua, pemimpin negara perlu melayani dan memenuhi keperluan atau hak rakyat tanpa mengira kaum mahupun agama di Malaysia. Justeru, G1M kelihatan jelas dalam skop dan matlamatnya iaitu soal keadilan dan pembelaan rakyat Malaysia. Begitu juga dengan peranan atau fungsi kerajaan yang perlu mengutamakan rakyat serta mengutamakan pencapaian dalam setiap agensi kerajaan sesuai dengan slogan “Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”.

Matlamat utama G1M yang perlu direnungkan adalah membawa Nilai Aspirasi dalam beberapa perkara iaitu integriti, kebolehan dan berdedikasi serta perpaduan kaum, seterusnya boleh mewujudkan keselamatan dan kemajuan kepada negara pada masa kini dan akan datang. Integriti yang dimaksudkan adalah keperluan kepada pemimpin dan rakyat berdasarkan tanggungjawab kepada negara melibatkan kejujuran, kebolehan, bercakap benar, telus, ikhlas dan amanah. Dari aspek kebolehan dan berdedikasi merujuk kepada keperluan seorang pemimpin yang bijak mentafsir, memahami tugas, cemerlang, komited serta boleh merancang, mengatur strategi, menilai prestasi dan menepati masa dalam memberi perkhidmatan terbaik untuk rakyat. Malah, kesetiaan pula melibatkan setia kepada negara melebihi daripada kepentingan peribadi atau kumpulan, tidak juga mengira kaum, agama, budaya atau fahaman politik. Ini kerana, semua rakyat Malaysia adalah Bangsa Malaysia bernaung di bawah Rukun Negara serta Perlembagaan Malaysia.

Berdasarkan perbincangan tentang G1M di atas jelas menunjukkan bahawa prinsip kesederhanaan adalah penting kerana ia dapat mewujudkan perpaduan kaum di Malaysia. Bagi mewujudkan perpaduan negara juga, G1M menjadi payung kepada dasar-dasar perpaduan bersifat nasional sedia ada. Selain itu, G1M juga tidak tersasar daripada falsafah

Islam yang didokong oleh sistem pentadbiran negara. Apa sahaja yang dilakukan oleh seseorang rakyat Malaysia akan memberikan implikasi kepada negara dalam konteks perpaduan nasional dan akhirnya memberikan kesan kepada matlamat negara ke arah sebuah negara maju 2020.

### **3.0 DASAR-DASAR SEDIA ADA TENTANG PERPADUAN NASIONAL**

Dasar tentang perpaduan nasional ditekankan kepentingannya setelah berlaku rusuhan kaum pada 13 Mei 1969 iaitu kerajaan sedar akan pentingnya perpaduan rakyat Malaysia yang terdiri dari pelbagai kaum, agama dan budaya. Justeru, pihak kerajaan menjadikan perpaduan nasional sebagai matlamat utama negara yang perlu dicapai bagi mengelakkan perkara sedemikian tidak berulang. Pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) pada tahun 1971 adalah hasil usaha bagi menangani isu perpaduan sehingga berakhirnya pada tahun 1990. Setelah itu, pada tahun 1991 mantan Perdana Menteri Malaysia iaitu Tun Dr. Mahathir Mohamad telah memperkenalkan Wawasan 2020 yang berteraskan konsep Bangsa Malaysia iaitu satu bentuk perpaduan yang diharapkan akan mencapai negara maju berpendapatan tinggi pada tahun 2020 berteraskan perpaduan kaum yang utuh (Abdullah Md Zin, 2014).

Walau bagaimanapun, sejurus DEB dilaksanakan kerajaan turut memperkenalkan dasar-dasar berkaitan dengan perpaduan nasional sehingga kini, malah kerap menghala kepada pendidikan, bahasa, kebudayaan dan sukan agar perpaduan boleh dicapai dalam pelbagai sudut. Namun begitu, kejayaan menyatukan rakyat Malaysia dari pelbagai latar belakang sosial, agama, kaum, fahaman dan sebagainya masih diragui dan tiada bukti kukuh untuk menunjukkan kejayaan sepenuhnya. Oleh kerana itu, satu pelan induk berkenaan perpaduan perlu dirangka agar ia lebih menyeluruh dengan mengambil kira kepentingan negara serta arah tuju negara demi mencapai status negara maju pada tahun 2020.

Terdapat satu pelan perancangan penting dalam membincangkan soal perpaduan nasional yang dikenali sebagai Pelan Integriti Nasional (PIN). Menurut Institut Integriti Malaysia (IIM, 2006), PIN adalah hasil ilham Perdana Menteri Malaysia Kelima iaitu Tun Abdullah Ahmad Badawi pada 23 April 2004 selaras dengan cabaran keempat Wawasan 2020 untuk membentuk masyarakat yang mantap ciri-ciri moral dan etikanya, nilai keagamaan serta budi pekerti yang luhur. Sasaran PIN adalah terhadap lima aspek iaitu memerangi gejala rasuah, meningkatkan kecekapan dalam sistem penyampaian perkhidmatan awam dan mengatasi kerenah birokrasi, meningkatkan tadbir urus korporat, etika perniagaan dan tanggungjawab sosial korporat, memantapkan institusi keluarga dan komuniti serta meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan masyarakat.

Falsafah PIN melibatkan lima perkara iaitu: pertama, merangkumi semangat dan falsafah berasaskan prinsip perlembagaan persekutuan dan Rukun Negara iaitu membina masyarakat yang bersatu padu, adil, demokratik, liberal dan progresif, malah berpegang teguh kepada lima prinsip Rukun Negara. PIN juga adalah mekanisma bagi menyahut cabaran Wawasan 2020 ke arah mewujudkan sebuah negara maju mengikut acuan sendiri menjelang 2020. Kedua, PIN adalah sebuah pelan yang lahir selaras dengan aspirasi rakyat dan dilaksanakan untuk kesejahteraan mereka. Ketiga, PIN ialah sebuah pelan induk yang bertujuan memberikan hala tuju serta bimbingan kepada semua komponen atau sektor masyarakat dan negara. PIN juga memupuk, menyemai dan membaja sistem kehidupan masyarakat dan negara dalam usaha besar membina sebuah masyarakat bermoral dan beretika, sekaligus negara yang berintegriti. Keempat, PIN merupakan suatu gagasan yang dicetuskan oleh pucuk pimpinan dengan sokongan padu rakyat pelbagai kaum, lapisan masyarakat dan

wilayah. Kerjasama antara semua pihak ini menjadi kekuatan bagi mengubah atau menambahbaik nilai dan amalan masyarakat serta institusinya. Kelima, pendekatan PIN ialah mengkoordinasi usaha semua komponen dan sektor dalam gerakan pemantapan integriti. PIN memerlukan keseluruhan institusi urustadbir negara iaitu melibatkan badan eksekutif, perundangan dan kehakiman supaya meningkatkan integriti mereka, menghormati dan mempertahankan prinsip pemisahan kuasa serta melaksanakan fungsi masing-masing dengan cekap, telus, adil dan berkesan. PIN juga memerlukan pelbagai komponen dan institusi dalam masyarakat supaya merangka dan melaksanakan program pemantapan integriti. Sinergi pelaksanaan program integriti oleh semua komponen dan sektor tersebut akan dengan sendirinya menyumbang kepada pemantapan integriti seluruh masyarakat dan negara.

Falsafah-falsafah PIN tersebut semata-mata bagi mencapai objektif untuk merealisasikan hasrat Wawasan 2020 iaitu menjadi sebuah negara maju mengikut acuan sendiri dengan membentuk sebuah masyarakat yang kukuh ciri-ciri moral dan etika dengan para warganya mempunyai nilai keagamaan dan kerohanian yang utuh serta ditunjangi oleh budi pekerti yang luhur. Sekiranya wujud penghayatan terhadap falsafah dan objektif PIN oleh pelbagai sektor masyarakat dan negara sudah pasti akan menjadi suatu kekuatan bagi mengubah wajah masyarakat dan negara Malaysia demi perpaduan dan kemajuan negara. Kekuatan ini juga akan membolehkan Malaysia menangani cabaran baharu pada abad ke-21 dengan lebih berkesan. Kesemua ini akan menyumbang kepada pencapaian cita-cita menjadi masyarakat maju berteraskan perpaduan mengikut acuan sendiri.

PIN sekiranya dihalusi ia memperlihatkan asas penting kepada pembentukan moral dan kerohanian dalam diri masyarakat berteraskan kepada Perlembagaan Malaysia, Rukun Negara dan adat-budaya setempat ke arah mencapai negara maju 2020. Walau bagaimanapun, PIN kelihatan tidak mencerminkan hasrat, aspirasi dan nilai-nilai murni berdasarkan keperluan rakyat Malaysia secara meluas bagi menjalankan fungsi urustadbir negara. Oleh kerana itu, Perdana Menteri Malaysia keenam iaitu Dato' Sri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak merekayasa kembali dasar berkaitan perpaduan nasional dengan mewujudkan G1M. Matlamatnya adalah sama iaitu agar warganegara Malaysia bersatu padu ke arah Wawasan 2020.

Justeru, sekiranya dilihat kembali terdapat beberapa dasar bagi mewujudkan perpaduan masyarakat dalam pelbagai aspek seperti pendidikan, bahasa, kebudayaan, sukan, PIN dan G1M telah dijalankan oleh kerajaan. Hakikatnya, masyarakat di Malaysia masih memperlihatkan bibit-bibit pergeseran dan dimbimbangi akan mengakibatkan perpecahan kaum secara serius pada masa akan datang. Hal ini perlu diatasi segera agar sasaran negara mencapai negara maju pada tahun 2020 akan berhasil dengan rakyat bersatu padu. Oleh kerana itu, pengamalan prinsip kesederhanaan sebagaimana diinginkan oleh G1M patut dijalankan secara ilmiah agar isu perpaduan dapat dilihat kembali untuk mencari usaha penyelesaian sesuai. Hal ini penting kerana G1M dan dasar-dasar berkaitan perpaduan kaum sedia ada pada hakikatnya tidak tersasar daripada perpektif falsafah Islam dan gerakan kesederhanaan pada waktu ini.

#### 4.0 PRINSIP KESEDERHANAAN DARI PERSPEKTIF ISLAM DAN GERAKAN KESEDERHANAAN GLOBAL

Perspektif pertengahan atau kesederhanaan mengikut sejarah masyarakat barat tercetus daripada falsafah klasik Aristotle (384-322 SM), di mana matlamat hidup manusia seharusnya menuju kepada sesuatu yang terbaik buat diri dan negara (Mohammad Hatta, 1982). Kebaikan atau kebahagiaan hanya akan terhasil sekiranya mengamalkan prinsip pertengahan. Umpamanya, tidak boleh menjadi terlalu berani dan tidak boleh juga terlalu pengecut, tidak boleh terburu-buru dan tidak boleh juga terlalu perlahan dan sebagainya yang mencerminkan pentingnya mengamalkan sikap bersederhana atau pertengahan. Dalam ajaran Kristian, Shapin (2010) berpendapat kesederhanaan adalah dituntut agar tidak keterlaluan. Umpamanya, umat kristian dibenarkan minum arak tetapi tidak boleh sehingga memabukkan kerana memabukkan adalah perbuatan yang ditegah. Malah, Kirkland (2004) berpendapat ajaran Taoisme pula sebaliknya kerana kurang menyenangkan tentang nilai kesederhanaan. Bagi penganut ajaran ini, Segal (2006) menyatakan sebaik-baiknya apa yang terdapat dipersekitaran mereka seharusnya diambil dan digunakan semaksimum mungkin kerana nilai kesederhanaan sukar untuk diukur bersesuaian dengan fitrah manusia.

Dalam Islam, Jabatan Perdana Menteri (1980) berpendapat manusia dikenali sebagai *ummatah wasatan* iaitu umat pilihan lagi adil dan juga bermakna umat pertengahan iaitu pertengahan dalam segala pembawaannya, tidak melampau, tidak keterlaluan dalam aktiviti kehidupan, malah segalanya berkeadaan di tengah-tengah. Menurut Mohd Shukri Hanapi (2014), apabila menyebut *wasatan*, ia berkait rapat dengan perkataan wasatiyyah. Seorang ilmuan Islam dan ulamak Sunni tersohor bernama Dr. Yusuf al-Qardhawi dalam kitabnya *al-Khasais al-Amnah li al-Islam* tentang ciri-ciri Islam menyenaraikan tujuh sifat iaitu dimulai dengan: Fasa I, al-Rabba niyyah (ketuhanan); Fasa II, al-Insaniyyah (kemanusiaan); Fasa III, al-Syumul (kesempurnaan); Fasa IV, al-Wasatiyyah (pertengahan); Fasa V, al-Waqiiyyah (realiti); Fasa VI, al-Wudhuh (mudah atau senang); dan berakhir dengan Fasa VII iaitu al-Jam'u bayna al-Thabat wa al-Murunah (gabungan antara perkara tetap dan berubah). Penulisan ini tertarik dengan Fasa IV iaitu tentang al-Wasatiyyah yang melibatkan sifat pertengahan manusia dalam konteks perimbangan antara dua perkara bertentangan. Umpamanya, rohani dan jasmani, ideal dan realiti, tetap dan berubah-ubah, akhirat dan dunia serta lain-lain lagi. Pada masa yang sama, Islam menuntut keadilan buat manusia dan tidak pula melupai ketuhanan (agama). Justeru, agama Islam adalah tidak berat sebelah, tidak keterlaluan atau terlalu kurang atau lemah. Bahkan, Mohd Yusof Othman (2013) berpendapat dalam bukunya bertajuk "Kesederhanaan dalam Islam: Satu Penerangan Ringkas dan Penanda Aras" menyebut bahawa beliau bernazar untuk berjuang mempertahankan manhaj wasatiyyah sepanjang hayatnya kerana bukan sahaja pendekatan wasatiyyah sebaik-baik pendekatan dalam membangunkan umat, malah pendekatan ini digunakan oleh para nabi dalam membangunkan peradaban manusia pada zaman mereka. Tuntutan untuk menggunakan pendekatan wasatiyyah bertepatan dengan firman Allah (al-Baqarah: 143) yang bermaksud:

... dan demikianlah (sebagaimana Kami telah memimpin kamu ke jalan yang lurus), Kami menjadikan kamu (wahai Muhammad) satu umat yang terpilih lagi adil, supaya kamu layak menjadi orang yang memberikan keterangan kepada umat manusia (tentang yang benar dan salah), dan Rasulullah (Muhammad) pula akan menjadi orang yang menerangkan kebenaran perbuatan kamu.



Ilmuan Islam kedua yang juga cukup dikenali lagi disegani dalam mengupas soal Islam adalah Prof. Dr. Hamka menerusi kitabnya Falsafah Hidup menerangkan khusus soal kesederhanaan demi kesejahteraan hidup manusia. Dalam Bab V sebagai contohnya, khusus membincangkan soal kesederhanaan dalam tajuk-tajuk: sederhana tentang niat dan tujuan, sederhana dalam berfikir, sederhana melahirkan perasaan, sederhana pada keperluan hidup, sederhana pada perasaan sukacita, sederhana pada harta benda, sederhana mencari nama, sederhana memberi pangkat dan pendidikan kesederhanaan. Maksud daripada penulisan beliau adalah antara syarat asas bagi seseorang untuk mencapai kebahagiaan hidup perlu bersifat sederhana. Bahkan, untuk mencapainya pula seseorang manusia perlu percaya dan beramal dengan sifat kesederhanaan. Bagaimanapun, menuntut ilmu dan beribadat tidak termasuk dalam tuntutan kesederhanaan ini kerana ia tanggungjawab penuh kepada Allah dan manfaat manusia sepanjang zaman. Ertinya, seseorang tidak boleh secara ekstrim atau berlebih-lebihan dalam urusan keduniaan atau urusan kehidupan, kecuali terhadap Allah. Bahkan, sifat melebihi-lebih atau ekstrim tidak memberikan kebahagiaan dalam hidup, baik ia berupa niat, perasaan, pengumpulan harta benda, mencari populariti, nama mahupun pangkat.

Bagi Prof. Dr. Hamka juga persoalan penting di sini adalah: adakah Islam bersetuju dengan kehidupan bersifat pertengahan atau sederhana? Pada dasar utama Islam itu sendiri memang menjulang idea pertengahan. Isu mengejar kehidupan duniawi, Islam melarang umatnya menganut falsafah kapitalis atau komunis dan lain-lain ideologi moden yang jelas bukan bersifat sederhana. Selain agama Islam, lain-lain agama atau fahaman memiliki sifat ekstrim, bukan sederhana atau pertengahan. Agama Hindu dan Buddha di India, memperjuangkan kehidupan kerohanian dengan mengurangkan perihal duniawi, sedangkan manusia perlu hidup dengan fitrah kejadiannya. Contohnya, keterlaluan memilih makanan sehingga menyukarkan kehidupan serta membawa kesengsaraan hidup (tidak memakan daging) dan menyiksa diri sehingga mencederakan anggota badan (acara keagamaan hindu dan syiah) dan sebagainya. Buddha juga memperjuangkan gaya hidup seperti kehidupan Guatama Buddha yang melupai kepentingan dunia sebaliknya perhambaan diri kepada kehidupan selepas kematian. Maksudnya, agama-agama ini tidak mempedulikan tuntutan kesenangan hidup duniawi yang disukai atau menjadi fitrah manusia. Apa yang dikejar ialah dunia kerohanian. Kristian dan Yahudi juga membawa gaya hidup serupa iaitu banyak perkara yang Tuhan halalkan, diharamkan mereka. Tetapi pengikut-pengikut mereka sering hipokrit terhadap ajaran agama. Amalan seks tidak sah dan jijik berlaku di serata gereja. Inilah satu bukti ajaran-ajaran itu tidak selari dengan fitrah manusia.

Prof. Dr. Hamka juga berpendapat bahawa sememangnya benar bahawa Islam membawa *rahmatan lil' alamin* (rahmat kepada sekalian alam). Islam menuntut umatnya mengambil kesenangan dunia tanpa melupai kehidupan akhirat. Surah al-Jum'ah, Ayat 10 yang bermaksud: "Apabila selesai menunaikan sembahyang, maka pergilah kamu semua bertebaran di bumi dan carilah nikmat-nikmat daripada limpah kurnia Allah dan perbanyakkan sebutan Allah supaya kamu beroleh kejayaan dan keberuntungan". Bahkan, al-Quran Surah 2: Ayat 143 pula bermaksud: "Demikianlah Kami jadikan kamu umat yang pertengahan supaya kamu menjadi saksi atas manusia". Sekiranya dikatakan Islam hanya membela kerohanian, maka sudah tentulah disuruh sembahyang sahaja kemudian berwirid sepanjang masa. Demikianlah juga kalau penekanannya hanya kehidupan dunia sahaja, maka dibiarkan manusia menjadi seperti binatang yang hidup hanya untuk memenuhi tuntutan makan dan nafsu. Hakikatnya, disuruh mencari keberuntungan kedua-duanya sekali (bersederhana). Perbincangan di atas jelas menunjukkan bahawa falsafah hidup Islam sangat relevan dengan tabii dan naluri semulajadi manusia.

Oleh itu, dapat difahami bahawa dalam Islam kesederhanaan ini perlu diterapkan melalui segenap aktiviti kehidupan seperti berpolitik, ekonomi, sosial, berkerja dan sebagainya, kecuali soal mencari ilmu serta ibadah khusus. Menurut Abdullah Md Zin (2014), sekiranya prinsip kesederhanaan dapat dicerna dalam segala aktiviti kehidupan, maka perpaduan akan terhasil kerana tiada pihak yang akan merasa iri hati, tersinggung atau kecewa. Persoalannya adalah: mengapa seseorang boleh terkeluar dari landasan yang baik, sederhana atau pertengahan kepada sifat keterlaluan, berlebih-lebihan atau ekstrem? Faktor terbesar ialah nafsu yang dibiarkan tinggi berbanding dengan aspek akal rasional. Apakah faedah sifat pertengahan ini kepada individu? Persoalan ini adalah penting dan fokusnya juga kecil iaitu melibatkan individu, bukan keluarga atau masyarakat. Sekiranya perbincangan sebelumnya menyentuh pemikiran Aristotle, Prof. Dr. Hamka dan Dr. Yusuf al-Qardhawi disokong pula oleh tabii ajaran agama Islam, maka dapat dilihat bahawa ia memang betul apa yang dirumuskan oleh Aristotle kira-kira 2,500 tahun dahulu iaitu pertengahan atau sederhana adalah antara nilai-nilai baik dan utama yang perlu diberi keutamaan sebagaimana juga penekanan dalam konteks G1M.

Melihat kesederhanaan dalam konteks Malaysia, Abdullah Md Zin (2014) berpendapat ia perlu menelusuri sejarah kerana proses kedatangan Islam ke Nusantara amnya dan Tanah Melayu khususnya bermula dengan pendekatan bersifat kesederhanaan. Perbincangan tentang sejarah kedatangan Islam ke Nusantara jelas wujud pelbagai pendapat dan perbincangan dalam konteks permulaan tarikh dan jalur-jalur kedatangan (laluan perjalanan). Namun begitu, satu hakikat yang diketahui adalah ketibaannya secara aman melalui para pedagang dan mubaligh. Malah, terdapat dua sumbangan besar Islam kepada Kepulauan Melayu seperti Malaysia pada hari ini iaitu dalam konteks keilmuan secara bertulis dan pemikiran. Di mana, pegangan kepada Mazhab Syafie aliran Ahli Sunnah wal Jamaah dan budaya tempatan telah membentuk satu pendekatan yang amat unik kepada penganut Islam di rantau ini. Keunikan ini dapat dilihat dari segi kaedah dakwah yang diguna pakai oleh para wali Songo (di Indonesia) sebagai contohnya yang mengambil kira persekitaran sosio-budaya dan sosio-ekonomi kumpulan sasar mereka. Para pendakwah tidak menggunakan kekerasan atau bersifat tergesa-gesa dalam menjalankan dakwah. Proses dakwah yang mengambil kira persekitaran semasa tempatan itu jelas mencerminkan penggunaan prinsip kesederhanaan. Sejarah dakwah Rasulullah saw juga berpaksikan setiap aspek sama ada dakwah, pentadbiran negara, kehakiman, hubungan diplomatik mahupun amalan adat resam dan kebudayaan. Baginda rasul tidak pula menunjukkan sikap ekstrim, sebaliknya bermula dengan pemurnian akhlak secara perlahan-lahan. Pendekatan yang diperkenalkan oleh Baginda rasul saw adalah berlandaskan prinsip wasatiyyah, maka dengan sebab itu Islam mudah diterima oleh semua kaum.

Dalam konteks Malaysia pada masa kini iaitu sebuah negara berbilang kaum dengan kira-kira 60 peratus warganegaranya menganut agama Islam, 40 peratus yang lain pula menganut pelbagai agama. Hakikatnya, bukan sahaja agama yang dianuti warga Malaysia berbeza, malahan bahasa, budaya dan taraf sosio-ekonomi juga tidak sama. Walaupun di Malaysia wujud kepelbagaian yang kompleks, namun begitu kedudukan Islam telah termaktub secara rasmi dalam undang-undang tertinggi negara iaitu Perlembagaan Persekutuan dan Undang-undang Tubuh Negeri. Ia telah diperkemas lagi dengan penubuhan institusi-institusi bagi mentadbir dan melaksanakan undang-undang syariah, memajukan kepentingan sosial serta ekonomi penganut Islam. Jelasnya, Islam di Malaysia bukan setakat agama ritual, bahkan telah diinstitusi dan diamalkan sebagai cara hidup yang syumul. Sekalipun Islam telah diberikan kedudukan perundangan dan pentadbiran yang tertinggi di atas yang lain, oleh sebab statusnya sebagai agama persekutuan, juga selaku agama yang dianuti majoriti rakyat

Malaysia serta menjadi kepercayaan yang telah memainkan peranan penting di sudut sejarahnya dalam pembentukan identiti kehidupan bernegara, namun agama-agama lain tetap diberi jaminan oleh perlembagaan dan bebas diamalkan secara aman. Dalam mengurus perhubungan etnik dan agama di Malaysia, kerajaan semenjak merdeka telah memilih untuk dipandu oleh falsafah integrasi (perpaduan) berbanding asimilasi kaum, budaya mahupun cara hidup.

Menurut Mohd Najib Abdul Razak (2013) (iaitu Perdana Menteri Malaysia) dalam artikelnya berpendapat, masyarakat dan dunia Islam pada hari ini amat tertekan sehingga ada istilah *Islamofobia* di Barat yang bererti bahawa Islam itu sendiri dibimbangi, seterusnya dimomok sebagai agama yang militan, fanatik dan sebagainya. Namun begitu, tahap sedemikian tidak dilabelkan terhadap Malaysia, malah apabila kita berjumpa dengan orang dari luar, termasuk yang bukan Islam, mereka berkata bahawa kalau mereka mahu melihat keindahan Islam atau cara Islam itu diaplikasikan dengan pengertian Islam sebagai agama yang indah mulia dan sekali gus sebagai agama yang sederhana, progresif dan maju, Malaysialah contoh yang terbaik. Dengan penggunaan pendekatan konsep wasatiyyah, negara mampu memberikan sumbangan kepada dunia. Oleh itu, pengertian wasatiyyah amat perlu diterapkan meskipun negara tidak berhadapan dengan masalah yang begitu rumit.

Malaysia mempunyai kelebihan dan keunikan tersendiri dalam membina perpaduan rakyat disebabkan memiliki pelbagai kaum dan agama. Islam menjadi pemangkin kepada perpaduan rakyat disebabkan kesederhanaannya, malah menjadi amalan dalam kalangan rakyat di negara ini. Bahkan, secara umumnya, Azyati Azhani Mohd Mazuki et al. (2013) dan Ilhaamie Abdul Ghani Azmi et al. (2015) berpendapat rakyat Malaysia menolak perbuatan ekstrimisme berteraskan perkauman mahupun keagamaan. Atas keyakinan dan ajaran Islam yang sebegitu rupalah mendorong Perdana Menteri Malaysia iaitu Dato' Sri Mohd Najib memperkenalkan GIM bertujuan untuk memperkukuh perpaduan rakyat menghadapi ancaman globalisasi dan cabaran semasa dunia. Pengalaman dan keyakinan bahawa rakyat Malaysia boleh terus bersatu, walaupun menghadapi pelbagai dugaan berbentuk perkauman dan perbezaan fahaman, ia menjadi aset kepada negara untuk mempromosikan gerakan kesederhanaan pada peringkat global dan menentang kegiatan ekstrimisme.

Promosi kesederhanaan telah dijalankan oleh Perdana Menteri melalui ucapannya di Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dalam Sesi Ke-65 pada 27 September 2010. Beliau menyeru anggota masyarakat dan pemimpin agama utama dunia mengecam serta menolak sikap melampau dalam negara masing-masing. Sebaliknya bersama-sama menyokong GMM dan idea beliau mendapat sokongan padu daripada sebahagian besar pemimpin dunia termasuklah Amerika Syarikat dan Britain. GMM ini merupakan suatu inisiatif untuk mempromosikan pendekatan bukan keganasan, sebaliknya menyelesaikan sesuatu isu atau pertelingkahan di meja rundingan. Di Malaysia, bagi membuktikan kesungguhan pelaksanaan idea tersebut, Perdana Menteri Malaysia mengumumkan penubuhan Yayasan Gerakan Kesederhanaan Global (GMMF) ketika sesi perasmian Persidangan Antarabangsa Gerakan Kesederhanaan Global (ICGMM) di Kuala Lumpur pada 17 hingga 19 Januari 2012. Penubuhan GMMF ini menjadi pusat perbincangan dan penyebaran maklumat berkaitan program kesederhanaan kepada masyarakat atau pihak berkepentingan sama ada dari dalam mahupun luar negara. Bagi memastikan GMM dapat diterima oleh masyarakat dunia, Perdana Menteri terus memperjuangkan idea tersebut di pentas-pentas antarabangsa berprestij seperti Pusat Pengajian Islam Oxford, East-West Center, Mesyuarat Asia-Eropah, Sidang Kemuncak ASEAN dan Mesyuarat Ketua-Ketua

Kerajaan Komanwel. Hasilnya, konsep GMM diterima secara rasmi dalam Sidang Kemuncak ASEAN di Phnom Penh pada 3 April 2012.

Selain itu, beberapa program seperti Syarahan Tokoh Terkemuka dan Sidang Meja Bulat Kesederhanaan Global dianjurkan dari semasa ke semasa. Antara perkara yang diberi penekanan oleh GMM termasuklah hidup bersama secara aman, demokrasi dan kedaulatan undang-undang, kewangan dan ekonomi, pendidikan, dan penyelesaian konflik. Baru-baru ini, Perdana Menteri Malaysia sekali lagi menyatakan pendiriannya mengenai kesederhanaan dalam Persidangan Dialog ke Atas Kepelbagaian Diplomasi dan Keamanan anjuran ASEAN Peace and Reconciliation Council (APRC) dan Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS) yang diadakan di Putrajaya. Perdana Menteri mengajak golongan majoriti yang berdiam diri bangun menentang dan menolak sebarang bentuk keganasan dan fahaman ekstrimisme. Pernah dalam satu syarahannya di New York bertajuk "*The New Meetings, Moderation: The New Modernity*", Perdana Menteri Malaysia mengajak masyarakat dunia menolak nazisme, militan dan pemikiran ekstrimisme dan menjadikan dialog serta rundingan sebagai jalan untuk menyelesaikan masalah dunia. Perbezaan warna kulit, etnik, agama, kepercayaan dan ideologi politik tidak seharusnya menjadi landasan konflik yang berpanjang. Semua pihak harus mengutamakan dialog dan rundingan berbanding mengamalkan sikap konfrontasi dan kekerasan. Bagaimanapun, pada pandangan Perdana Menteri Malaysia juga ia memerlukan kebijaksanaan dalam tindakan semua pihak.

Semasa meraikan keseimbangan dan penjagaan hak-hak individu lain, bukanlah dengan jalan melupakan prinsip-prinsip dan nilai-nilai Islam. Sebaliknya, pada masa yang sama Islam dijunjung dan dimartabatkan serta dibuktikan keunggulannya. Prinsip-prinsip dan nilai-nilai Islam terus diberi perhatian untuk diterapkan di dalam pelbagai aspek kehidupan individu dan masyarakat bagi pembinaan dasar berkaitan pentadbiran negara, tanpa meminggirkan penganut agama lain untuk terus mengamalkan ajaran mereka. Oleh kerana itu, Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak merakamkan prinsip kesederhanaan berteraskan ciri-ciri Islam dalam sebuah dasar yang dikenali sebagai G1M bagi membetulluruskan haluan ke arah Wawasan 2020 berpaksikan kesederhanaan untuk membentuk perpaduan nasional.

Justeru, perbincangan tentang prinsip kesederhanaan dilihat agak meluas dalam pelbagai aspek kehidupan manusia baik berupa politik, ekonomi, sosial, pentadbiran, cara hidup dan sebagainya, kecuali Prof. Dr. Hamka berpandangan aspek mencari ilmu dan ibadah tiada istilah ekstrim. Falsafah klasik oleh Aristotle, Falsafah Islam oleh Dr. Yusuf al-Qardhawi dan Prof. Dr. Hamka bersetuju serta percaya bahawa kesederhanaan atau pertengahan melibatkan tidak keterlaluhan atau berlebih-lebih bagi kebaikan mahupun kebahagiaan diri. Penulisan ini berpendapat idea Prof. Dr. Hamka memperlihatkan terdapat keunikannya tentang kesederhanaan melalui sembilan perkara iaitu:

- i. sederhana tentang niat dan tujuan,
- ii. sederhana dalam berfikir,
- iii. sederhana melahirkan perasaan,
- iv. sederhana pada keperluan hidup,
- v. sederhana pada perasaan sukacita,
- vi. sederhana pada harta benda,
- vii. sederhana mencari nama,
- viii. sederhana memberi pangkat, dan
- ix. pendidikan kesederhanaan.

Walaupun terdapat sembilan perkara berkaitan dengan kesederhanaan dalam hidup, ia menggambarkan keperluan bersederhana dalam konteks dalaman dan luaran diri seseorang. Melihat kepada G1M pula, prinsip kesederhanaan yang digariskan adalah secara umum, tetapi tidak terkeluar atau tersasar daripada landasan falsafah Islam mahupun ilmu rasional klasik hasil pemikiran Aristotle. Hal ini jelas sebagaimana dinyatakan oleh Perdana Menteri semasa ucapannya berkaitan letakan prinsip kesederhanaan dalam G1M dengan konsep wasatiyyah (Malaysia, 2014) iaitu:

... dengan menggabungkan Gagasan 1Malaysia dan konsep wasatiyyah dalam Islam yang meletakkan kepentingan kepada kesederhanaan dan keseimbangan, perlu digalakkan untuk membentuk umat yang berpusat pada kekuatan iman tanpa mengabaikan prinsip-prinsip toleransi dan keadilan sosial yang berbilang masyarakat, kaum dan agama di negara ini untuk menentukan sokongan penuh rakyat terhadap agenda transformasi sosio-ekonomi yang sedang dilaksanakan dan juga sokongan daripada masyarakat Islam yang majoriti di negara ini.

Menurut Ismail Ibrahim (2009a; 2009b), tujuan kedua-dua konsep tersebut disepadukan adalah untuk meningkatkan persefahaman dan perpaduan antara kaum berasaskan konsep wasatiyyah. Di samping itu, ia juga bertujuan untuk mengelakkan kemunculan kumpulan-kumpulan radikal dan pelampau dari pelbagai agama seperti Kristian, Hindu, Buddha atau Islam. Dengan menggunakan konsep wasatiyyah, ajaran Islam akan menjadi kenyataan lebih menyeluruh dan seimbang dalam tuntutan perpaduan. Malah, Perdana Menteri juga berhasrat untuk menjadikan Malaysia sebuah negara Islam contoh, satu negara maju dan seimbang dalam setiap perkara.

## 5.0 KESIMPULAN

Berdasarkan kepada perbincangan di atas, rencana ini menegaskan bahawa isu perpaduan kaum boleh diatasi dengan mengamalkan nilai kesederhanaan secara meluas dalam segenap aspek kehidupan. Dasar-dasar tentang perpaduan nasional seperti dalam konteks sukan, pendidikan, kebudayaan dan sebagainya tidak akan berjaya menjadikan rakyat Malaysia bersatu padu. Sebaliknya, nilai kesederhanaan perlu diletakkan di hadapan berbanding kegiatan ekstrimisme atau melampaui batas kemanusiaan mahupun keagamaan. Oleh kerana itu, G1M merupakan wahana penting kepada warga Malaysia kerana dalamnya terdapat saranan keutamaan untuk mengamalkan nilai kesederhanaan. Hanya nilai kesederhanaan mampu menyatukan, mencairkan dan mengurangkan perasaan bersifat melampau yang cenderung membentuk perpecahan kaum. Bahkan, G1M juga menepati prinsip Islam yang mementingkan nilai kesederhanaan dan prinsip tersebut selaras dengan fitrah kejadian manusia dalam konteks wasatiyyah dan *ummatan wasatan*. Justeru, tujuan penulisan rencana ini tentang soal kepentingan nilai kesederhanaan bagi membentuk perpaduan negara memperlihatkan bahawa ia akan tercapai sekiranya semua masyarakat menghayati dan melaksanakan nilai kesederhanaan dalam segala urusan kehidupan. Malah, penulisan ini memperlihatkan bahawa bagi mencapai Wawasan 2020, G1M adalah sebagai payung utama, penunjuk arah dan pemangkin kepada perpaduan kaum yang selaras dengan tuntutan Islam dan kehendak dunia pada masa kini yang kian terancam dengan aktiviti ekstrimisme.

## RUJUKAN

- Abdullah Md Zin. (2014). *Penghayatan wasatiyyah dalam pentadbiran Malaysia*. Putrajaya: Penerbit Institut Wasatiyyah Malaysia.
- Asrizal Mohamed Radzi. (2013). Sejarah pembentukan negara bangsa dan 1Malaysia. *Jurnal Biro Tatanegara*, 1, 67-82.
- Azyati Azhani Mohd Mazuki, Wan Kamal Mujani, Azmi Aziz & Ermy Azziaty Rozali. (2013). Aplikasi konsep wasatiyyah dalam pembentukan Piagam Madinah. *International Journal of West Asian Studies*, 5(2), 1-15.
- IIM. (2006). *Pelan Integriti Nasional*. www.iim.com.my. [23 Januari 2016].
- Ilhaamie Abdul Ghani Azmi, Sharifah Hayaati Syed Ismail, Siti Arni Basir, Azah Anir Norman & Raja Jamilah Raja Yusof. (2015). Application of wasatiyyah concept in Public Administration Performance Appraisal System in Malaysia. *Adv. Sci. Lett.*, 21, 1307- 1310.
- Ismail Ibrahim. (2009a). *Falsafah hijrah dalam Gagasan 1Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
- Ismail Ibrahim. (2009b). *1Malaysia dalam konteks kepelbagaian agama*. <http://ummatanwasatan.net/2009/08/1malaysia-dalam-konteks-kepelbagaian-agama/> [Diakses pada 17 Januari 2016].
- Ismail Ibrahim. (2010). *Gagasan 1Malaysia, peradaban dan identiti bangsa: pendekatan hadhari*. Bangi: Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jabatan Perdana Menteri. (1980). *Tafsir Pimpinan Al-Rahman*. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri.
- Kamarulzaman Askandar. (2006). *Rencana: perpaduan dan perdamaian etnik*. Utusan Online. <http://ww1.utusan.com.my/utusan/> [Diakses pada 19/9/2015].
- Kirkland, R. (2004). *Taoism: the enduring tradition*. London: Routledge.
- Lim, P.G. (2003). Towards national integration of the constitution, governance and ethnicity. *INSAF: the Journal of Malaysian Bar*, XXXII(1), 1-24.
- Malaysia. (2009). *1Malaysia: Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan*. Putrajaya: Jabatan Penerangan Malaysia.
- Malaysia. (2012). *Laporan Ekonomi 2012/2013*. Putrajaya: Jabatan Perbendaharaan Malaysia.
- Malaysia. (2014). *1Malaysia*. www.1malaysia.com.my. [diakses pada 24 Februari].
- MAMPU. (2009). *Memacu transformasi*. Putrajaya: Bahagian Transformasi Sektor Awam, MAMPU.
- Mazlan Ibrahim, Jaffary Awang, Latifah Abdul Majid, Haziyah Husin, Muhd Najib Abdul Kadir, Abur Hamdi Usman & Latifah Abdul Majid. (2013). Wastiyyah discourse according to muslim scholars in Malaysia. *Advances in Natural and Applied Sciences*, 7(1), 6-14.
- Mohammad Hatta. (1982). *Alam fikiran Yunani*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Najib Abdul Razak. (2013). Wasatiyyah pemacu peradaban negara. Dlm. Mushaddad Hasbullah & Mohd Asri Abdullah (Pnyt.). *Wasatiyyah: Pemacu Peradaban Negara*(Hlm. 1-4). Putrajaya: Jabatan Perdana Menteri.
- Mohd Shukri Hanapi. (2014). The wasatiyyah (moderation) concept in Islamic Epistemology: a case study of its implementation in Malaysia. *International Journal of Humanities and Social Sciences*, 4(9), 51-62.
- Mohd Yusof Othman. (2013). Pendekatan wasatiyyah: ke arah pembangunan yang lestari. Dlm. Mushaddad Hasbullah & Mohd Asri Abdullah (Pnyt.). *Wasatiyyah: pemacu peradaban negara*(Hlm. 17-44). Putrajaya: Jabatan Perdana Menteri.

- Segal, R.A. (2006). *The Blackwell companion to the study of religion*. London: Blackwell Publishing.
- Shamsul Amri Baharuddin. (2011). *Kesepaduan dalam kepelbagaian perpaduan di Malaysia sebagai work-in-progress*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shamsul Amri Baharuddin. (2012). *Modul hubungan etnik*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shapin, S. (2010). *Never pure: historical studies of science as if it was produced by people with bodies, situated in time, space, culture, and society, and struggling for credibility and authority*.(Ed. 2). Florida: Johns Hopkins University Press.
- Wong Chun Wai.(2001). *It time to put things right for Kg Medan residents news analysis*. Indian-Malaysian Online. <http://www.indianmalaysian.com/> [Diakses pada 19/9/2015].